



Ahli-ahli pelajaran MCA, telah mengadakan mesyuaratnya di Kuala Lumpur baharu-baharu ini kerana merundingkan dasar-dasar pelajaran bagi orang-orang Cina. Di dalam mesyuarat itu, perkara menuntut bahasa Cina dijadikan bahasa rasmi tidak disebut-sebut padahal pada permulaan tertubuhnya kerajaan Perikatan tempoh hari 144 Persekutuan Cina di Perak telah bersuara tentang perkara tersebut. Adakah diamnya itu diam-diam ubi? Nampaknya mereka telah menguba hlangkahnya setelah melihat bangkangan yang kuat daripada orang-orang Melayu. Orang Melayu janganlah hendaknya bersenang sahaja kepada diamnya itu tetapi haruslah cemburu dan memerhatikan langkah apa pula yang akan dijalanka n mereka untuk menyampaikan hajat dan cita-citanya.

\* \* \*

“Wartawan” di Selat Tebrau yang pernah ke Amerika, apabila tidak terjawab alasan orang nampaknya suka merepek dan cuba mengadakan barang-barang yang tiada. Tetapi sebaliknya cuba wartawan itu lihat diri sendiri, bercermin muka sendiri- cantikkah atau lawakah? Dan bandingkan pula pergaulan awak dengan keturunan awa ktentu awak akan malu sendiri- harus pula ada anak orang “disapu bersih” dan semuanya halal belaka. Sungguhpun “mengata dulang pakuserpih” *sivā`wala la yā shaykh?*

\* \* \*

Di dalam hidup kita ini yang mudah sekali ialah mengadakan tuduhan dan kerana tuduhan-tuduhan itu mudah pula orang ramai terpengaruh tetapi membuktikan tuduhan-tuduhan itu ialah amat payah sekali, terutama apabila diri orang itu kotor maka mudah pula ia memandang kotor kepada orang lain disebalik itu ada pula orang mudah mengadakan barang yang tiada supaya ia dipuji oleh ketuanya maklumlah kerana kalau tidak pandai mengampu-ngampu sudah tentulah periuk nasinya masuk pasir dan menjadi pengukur jalan sebab tidak laku di lain-lain tempat walhasil inilah dia sifat munafik yang lebih dahsyat daripada segala munafik sebab munafiknya itu semata-mata faedah saku sendiri! Faham apa tidak *ya shaykh!*

Tuan shaykh di Selat Tebrau nampaknya tidak tahu adab tertib hidup sebagai wartawan. Kalau shaykh itu berbantah fikiran atau berlainan pendapat dengan orang lain maka ia tidak boleh lagi berhadapan dengan orang itu lalu membuat kelakuan biadap. Ia tidak tahu lagi menghargai peribadi orang dan sebab mengukur daripada bajunya sendiri itulah lalu ia menuduh orang penjilat apabila hormat kepada *seorang* ulama` yang dilawan berbahas. Kasihan rupanya shaykh kita ini tidak mengerti perbezaan di antara berlainan fikiran dengan pergaulan di dalam peribadi. Belajar lagi ya shaykh, jangan terlalu melagak! Rambut sama hitam fikiran berlain-lain – betul apa tidak tuan shaykh?!!

\* \* \*

Undang- undang Keselamatan Umum telah diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Undangan Singapura. Rang Undang-undang itu nampaknya telah dibantah oleh “PETIR” sahaja dan ada pula riak-riak sokongan daripada pemuda UMNO Singapura – dan siaran berkenaannya telah dibesar-besarkan oleh harian Melayu tempatan. Apabila dikaji dengan tenang dan teliti perkaitannya maka pusingannya kena juga – daripada pemuda kepada harian tempatan dan nampaknya berpusing pula kepada “PETIR”. Walhasil dalam perkara menjag akeselamatan umum itu rupanya ada pula “wakil-wakil” orang ramai yang tidak berkenan sebab mereka lebih mendapat untung di dalam perkara beramai-ramai wa ikut itu dikawal.

\* \* \*

Di dalam berita-berita kerap kali tersiar menyatakan bahawa Masyumi Pro Barat – sebabnya tuduhan itu datang tidak lain kerana dasar Masyumi dengan terang-terang Anti Komunis – dan kerana Anti Komunis itulah ia telah dituduh menyebelahi Barat, padahal ia bukan Pro Barat apalagi Pro Komunis! Orang-orang yang memerhatikan perjalanan Masyumi tentulah mengerti dalam hal ini sebab jalan dan muslihat Masyumi adalah semata-mata mencari faedah dan keuntungan negaranya yang bermakna untuk mencari kemakmuran rakyat – tidak untuk faedah-faedah pemimpin dan faedah mencari jalan menyusahkan rakyat supaya komunis-komunis subur hidupnya.

\* \* \*

*Alhamdulillah* – mulai dari hari Jumaat 21 Oktober 1955 Di Masjid Sultan telah ditiadakan sembahyang *a`ādah* berjemaah. *Alhamdulillah*.  
Cemeti al-Farouk